

SHARING ON INTERNET, SOCIAL MEDIA AND OTHER MEDIA

We truly appreciate the efforts taken by our distributors to share our wonderful products and the Forever Business opportunity with as many people as you can, and nowadays the internet and electronic social media is one of the most frequently used sharing tools to reach out to more people.

However, in your excitement to share, before you create your blog, Facebook page or website or use other social or marketing media channels to do your sharing, we would like you to first refer to our policies on the use of internet found in Section 17.10 of our Company Policies so that you are aware of what you may and may not do to be in compliance with our Company Policies.






Amongst others, please make sure that you are fully in compliance with the following:

1. DO NOT MISLEAD / MISREPRESENT

Ensure that you are not misrepresenting your website, FB page, tweet, blog et cetera as the Company's official media. Please always indicate prominently on your personal website, blog, FB page et cetera in large fonts "INDEPENDENT DISTRIBUTOR". Please refrain from using any names or domain names (url) that can easily mislead the public to think that it is a website or page of the Company or its affiliates.

Likewise, do not use any FLP trademarks, logos, trade names or any Company materials from any source that may mislead or confuse the user into thinking that your website is that of the Company. All FLP marks (i.e. FLP's name, symbols, trade names, trademarks, product names et cetera) are the exclusive property of FLP and it is strictly prohibited for any Distributor to claim any ownership of FLP's marks, for example, by registering for a domain name using the name "FLP" or "Forever Living" or any other FLP Mark in any way, shape or form, unless prior official approval has been granted to you by the Company in writing.

For example:

-  "Blog of Sam Wong, INDEPENDENT DISTRIBUTOR of Forever Living Products" or "Azman's Health Corner"
-  "Aloe Vera for Your Health"
-  "Forever Living Products Jurong"
-  "Forever Living Malaysia"
-  <http://www.foreverlivingkuantan.com>

2. PROHIBITION OF SELLING & SPONSORING ONLINE EXCEPT VIA FLP's OFFICIAL WEBSTORE @ www.foreverliving.com

You are only permitted to have independent websites or other online media to market and promote the products and/or the Forever business opportunity WITHOUT offering any sales or sponsoring.

a) Selling Products Online

Selling of any FLP product online via any personal webpage, FB page or any other social or marketing media is strictly prohibited. Distributors are also prohibited from selling products through any online malls or auction sites, such as, but not limited to eBay, mudah.com, lelong.com or Amazon.com.

You are only allowed to sell products online directly at or through a link to the official Company Webstore at www.foreverliving.com. Online orders will be fulfilled directly by the Company on this website. To sell products online, you are encouraged to purchase a Company-approved Independent Distributor website, FLP360 for marketing products online using a direct link to the Company's Webstore. This internet link is arranged in such manner that the FLP pages will remain within your individual FLP360 website, and your guests virtually never leave your personal FLP360 website.

b) Sponsoring

Sponsoring Distributors online is only allowed at the Company's website or through a link to the Company's website at www.foreverliving.com. You can link your personal blog, website, FB page et cetera to your FLP360 website to allow your guests to sign up under you as their sponsor by default.

3. DO NOT MAKE UNSUBSTANTIATED CLAIMS

Refrain from making any claims as to the therapeutic, safety or curative properties of the products. Only such statements or claims that are officially approved by FLP or are as contained in the official FLP literature may be made or used.

You are prohibited from making any medical claims that FLP products are useful in the treatment, prevention, diagnosis or cure of any disease.

Unless FLP's prior written approval is obtained, projections of income earnings and potentially misleading income representations are also strictly prohibited.

As a final note, please be reminded that the policies are placed to maintain the integrity of FLP's brand name, product line and the Distributor-Customer relationship and to provide a fair and equitable environment for all our Distributors. Intentional acts of omission and disregard for the Company Policies by any Distributor shall be severely dealt with which may include termination and legal action for damages.

BERKONGSI MELALUI INTERNET, MEDIA SOSIAL DAN MEDIA LAIN

Kami benar-benar menghargai usaha-usaha yang diambil oleh para pengedar kami untuk berkongsi produk dan peluang perniagaan Forever dengan seberapa ramai orang yang anda boleh, dan kini internet serta media sosial elektronik adalah salah satu alat berkongsi maklumat yang paling kerap digunakan untuk mendekati lebih ramai orang.

Walau bagaimanapun, dalam keterujaan anda untuk berkongsi, sebelum anda membuat blog, halaman Facebook atau laman web anda atau menggunakan lain-lain saluran media sosial atau pemasaran untuk berkongsi, kami ingin ingatkan anda untuk terlebih dahulu merujuk kepada dasar-dasar syarikat mengenai penggunaan internet yang boleh didapati pada Seksyen 17.10 Polisi Syarikat kami supaya anda mengetahui apa yang anda boleh dan tidak boleh lakukan menurut Polisi Syarikat.

Antara lain, sila pastikan bahawa anda mematuhi perkara-perkara berikut dengan sepenuhnya:

1. JANGAN MEMBERIKAN GAMBARAN YANG SALAH ATAU YANG MENGELIRUKAN

Pastikan bahawa laman web, halaman FB, 'tweet' atau blog anda dan sebagainya tidak akan memberikan gambaran yang salah kepada sesiapa yang ia adalah media rasmi Syarikat. Sila sentiasa menunjukkan dengan jelas di laman web peribadi, blog atau halaman FB anda dan sebagainya dalam fon besar, perkataan "PENGEDAR BEBAS".

Elakkan daripada menggunakan apa-apa nama atau nama-nama domain (url) yang boleh mengelirukan orang ramai bahawa ia adalah sebuah laman web atau media rasmi Syarikat atau syarikat-syarikat bersekutu FLP.

Begitu juga, jangan menggunakan mana-mana tanda dagangan FLP, logo FLP, nama perdagangan FLP atau mana-mana bahan berkenaan Syarikat kami dari apa jua sumber yang boleh memperdaya atau mengelirukan para pengguna dalam memikirkan bahawa laman web atau media peribadi anda adalah media rasmi Syarikat.

Semua tanda FLP (iaitu nama FLP, simbol, nama dagangan, tanda dagangan, nama produk dan sebagainya) adalah milik eksklusif FLP dan ia adalah dilarang sama sekali bagi sesiapa Pengedar untuk menuntut apa-apa hak milik cap FLP, contohnya, dengan mendaftar domain yang menggunakan nama "FLP" atau "Forever Living" atau menggunakan mana-mana tanda FLP yang lain dalam apa jua cara, rupa atau bentuk, melainkan jikalau kelulusan rasmi secara bertulis telah diperolehi terlebih dahulu daripada pihak Syarikat.

Sebagai contoh:

- ✔ "Blog Sam Wong, PENGEDAR BEBAS Forever Living Products" atau "Sudut Kesihatan Azman"
- ✔ "Aloe Vera untuk Kesihatan Anda"
- ✘ "Forever Living Products Jurong"
- ✘ "Forever Living Malaysia"
- ✘ <http://www.foreverlivingkuantan.com>

2. DILARANG SAMA SEKALI UNTUK MENJUAL ATAU MENAJA SECARA 'ONLINE' KECUALI MELALUI KEDAI WEB RASMI FLP DI www.foreverliving.com

Anda hanya dibenarkan untuk mempunyai laman web bebas atau media dalam talian yang lain untuk memasarkan dan mempromosikan produk dan / atau peluang perniagaan Forever TANPA menawarkan apa-apa produk untuk dijual atau melakukan penajaan.

a) Jualan Produk Secara 'Online'

Jualan mana-mana produk FLP secara 'online' melalui mana-mana laman web peribadi, halaman FB atau mana-mana media sosial atau pemasaran yang lain adalah dilarang sama sekali. Pengedar juga dilarang daripada menjual produk melalui mana-mana pusat membeli dalam talian atau laman lelongan, seperti, tetapi tidak terhad kepada eBay, mudah.com, lelong.com atau Amazon.com.

Anda hanya dibenarkan untuk menjual produk secara langsung di atau melalui pautan kepada kedai web rasmi Syarikat di www.foreverliving.com. Pesanan dalam talian yang dilakukan di kedai web rasmi Syarikat itu akan dipenuhi secara langsung oleh Syarikat. Untuk menjual produk secara 'online', anda digalakkan untuk membeli laman web Pengedar Bebas yang diluluskan Syarikat, iaitu FLP360 untuk membuat pemasaran produk secara 'online' dengan pautan terus ke kedai web Syarikat. Pautan internet tersebut adalah disusun begitu cara supaya halaman-halaman FLP akan kekal di dalam laman web peribadi FLP360 anda, dan tetamu yang melayari laman web FLP360 anda tidak akan 'terkeluar' dan meninggalkan laman web FLP360 peribadi anda tersebut.

b) Penajaan

Menaja Pengedar secara 'online' dalam talian hanya dibenarkan di laman web Syarikat atau melalui pautan ke laman web Syarikat di www.foreverliving.com. Anda boleh menghubungkan blog, laman web peribadi atau halaman FB anda dan sebagainya dengan laman web FLP360 anda untuk membolehkan tetamu anda mendaftar di bawah anda sebagai penaja mereka secara automatik.

3. JANGAN BUAT SEBARANG TUNTUTAN YANG TANPA PENGESAHAN

Jangan membuat apa-apa tuntutan mengenai sifat-sifat terapeutik, keselamatan atau penyembuhan produk. Hanya kenyataan atau tuntutan yang telah diluluskan secara rasmi oleh FLP atau seperti yang terkandung dalam bahan-bahan bacaan FLP yang rasmi boleh dibuat atau digunakan sedemikian.

Anda adalah dilarang daripada membuat sebarang tuntutan perubatan yang produk FLP adalah berguna dalam rawatan, pencegahan, diagnosis atau penyembuhan apa-apa penyakit.

Melainkan jikalau kelulusan bertulis FLP diperolehi terlebih dahulu, unjuran perolehan atau pendapatan yang boleh mengelirukan juga dilarang sama sekali.

Sila ingat bahawa dasar-dasar syarikat adalah digubal untuk mengekalkan integriti jenama, barisan produk FLP dan hubungan Pengedar-Pelanggan FLP serta untuk menyediakan persekitaran yang adil dan saksama untuk semua Pengedar kami. Perbuatan sengaja untuk tidak mematuhi atau tidak menghiraukan Polisi Syarikat oleh sesiapa Pengedar adalah kesalahan serius yang boleh mendatangkan penalti berat, termasuk kemungkinan penamatan hak pengedaran dan tindakan undang-undang untuk ganti rugi.